

## **PASARAN KERJAYA: KEMAHIRAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN PELAJAR BIDANG BAHASA MELAYU**

Zuraini Jusoh  
*zurainijusoh@upm.edu.my*

Rozita@Radhiah Said  
*radhiahrozita@upm.edu.my*

Norazlina Mohd Kiram  
*noraz@upm.edu.my*

*Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kadar perkembangan jalur lebar dan zaman digital menuntut pelajar menguasai teknologi maklumat dan komunikasi. Tambahan pula dengan persaingan yang sengit dalam kerjaya, memerlukan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu. Namun, sejauh mana pelajar mampu bersaing untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan menjadi satu persoalan. Oleh itu, satu kajian tinjauan dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelajar bidang Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia menggunakan perisian asas komputer. Responden kajian terdiri daripada 30 orang pelajar yang mengambil kursus Multimedia Dalam Bahasa semester pertama sesi 2017/2018. Data diperoleh melalui borang soal selidik ini menggunakan skala ordinal jenis perbezaan semantik dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS 22 (Statistical Packages for the Social Science). Penganalisan data dibuat secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasilnya, dapatan menunjukkan bahawa pelajar bidang bahasa yang dikaji berada pada tahap sederhana mahir dan masih jauh daripada prestasi jangkaan majikan walaupun mereka merupakan Generasi Net atau Generasi Y yang mesra teknologi. Walaupun, kebanyakan pelajar yang dikaji menghabiskan masa melayari Internet lebih daripada tujuh jam dalam seminggu yang biasanya dilayari melalui telefon pintar masing-masing namun, dilakukan hanya untuk keperluan mengakses e-mel, hiburan dan perasan ingin tahu terhadap isu atau maklumat tertentu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perasaan ingin tahu dalam kalangan pelajar mungkin menjadi salah satu faktor yang mendorong pengetahuan teknologi maklumat ini. Hal ini kerana kebanyakan pelajar mengakui bahawa sumber kemahiran komputer mereka banyak didorong oleh diri sendiri.

**Kata Kunci :** *pasaran kerjaya, perisian asas komputer, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, bidang Bahasa Melayu, pelajar pengajian tinggi*

## **Pengenalan**

Istilah teknologi maklumat muncul sekitar 1970-an dan berkembang dengan pesatnya pada abad ke-20. Kepesatan perkembangan teknologi ini memberikan pengaruh yang besar kepada semua negara termasuk Malaysia yang sedang membangun. Seiring dengan itu, Malaysia telah melancarkan Pelan Induk Teknologi Komunikasi dan Maklumat ASEAN 2015 pada 14 Januari 2014. Begitu juga dengan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) pada Ogos 1996 yang bertindak sebagai pemaju untuk mencapai Wawasan 2020. Projek ini terdiri daripada tujuh kumpulan aplikasi utama, iaitu kerajaan elektronik, sekolah bestari, tele-perubatan, kad pintar kebangsaan, kelompok penyelidikan dan pembangunan, pemasaran tanpa batasan serta jaringan perkilangan sedunia. Ini membuktikan bahawa untuk mengharungi arus globalisasi, zaman digital disifatkan sangat penting dan menjadi keutamaan negara-negara membangun (Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M. Noor & Zawiyah M. Yusof, 2012). Malah, penubuhan Koridor Raya Multimedia ini merupakan salah satu langkah strategik untuk mencapai negara membangun menjelang 2020 (Nazamud-din Alias, 2004).

Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan teknologi yang paling cepat berkembang selepas revolusi komputer dan komunikasi (Nik Hairi Omar et al., 2006). Begitu juga yang terjadi di Malaysia apabila kadar perkembangan penembusan jalur lebar di negara ini berlaku secara drastik, iaitu dari 24.8% pada 2009 kepada 55.6% pada 2011 (Hazura Mohamed et al., 2012). Perkembangan yang pesat ini selari dengan kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi kepada setiap kelompok masyarakat. Ini dapat dibuktikan dengan keperluan terhadap akses Internet apabila di kampung-kampung dan di luar bandar juga, akses terhadap Internet menjadi satu keperluan. Hal ini telah mendorong penggunaan wifi di kampung-kampung perintis di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, analisis jurang ciri-ciri kebolehpasaran mengikut keutamaan menunjukkan bahawa dalam kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, prestasi sebenar graduan masih di bawah prestasi jangkauan majikan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Walaupun pelajar ini dikategorikan sebagai Generasi Net atau Generasi Milenia yang dikatakan mempunyai kemahiran dan tahu menggunakan pelbagai jenis teknologi digital (Kian-Sam Hong & Norazila Abdul Azizi, 2014; Agus Purnomo, Nurul Ratnawati & Nevy Farista Aristin, 2016), namun kemahiran dan pengetahuan teknologi maklumat masih perlu diberi perhatian (Suthagar Narasuman, Md. Rizal Md. Yunus & Azlan Ahmad Kamal, 2011). Pendapat ini disokong oleh Oblinger (2005) yang menyatakan bahawa walaupun generasi ini mampu menggunakan pelbagai aplikasi teknologi tanpa manual arahan, pemahaman tentang teknologi atau kualiti sumbernya mungkin sukar. Malah, kesedaran tentang teknologi maklumat dan komunikasi serta penggunaan kemahiran ini dalam kehidupan seharian juga merupakan dua perkara yang berbeza (Fuziah Kartini Hassan Basri, 2001).

Perkembangan teknologi yang pesat telah mendorong para majikan di seluruh dunia meletakkan kemahiran teknologi maklumat sebagai salah satu syarat dan kriteria pekerja yang diperlukan oleh sesebuah syarikat. Keperluan ini telah menjadi agenda penting negara dan menjadi tanggungjawab pusat pengajian tinggi untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai daya saing yang tinggi serta memenuhi keperluan pasaran (Ahmad Rizal Madar et al., 2008). Tanpa mengira bidang pengajian, pengetahuan terhadap teknologi maklumat diserapkan ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini jelas terbukti dengan wujudnya kursus Bahasa Dalam Multimedia yang perlu diambil oleh pelajar program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kepentingan

teknologi ini jelas tergambar apabila semakan kurikulum 2017 telah menukarkan nama kursus ini kepada Multimedia Dalam Bahasa.

Kemahiran komputer merupakan antara kemahiran generik yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan (Hazilah Mohd. Amin et al., 2017). Davis (1997) melaporkan bahawa 83.3% majikan mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap graduan dalam kemahiran menggunakan komputer dan ia merupakan antara faktor yang dilihat untuk pengambilan pekerja. Antara kemahiran literasi komputer ialah keupayaan menggunakan aplikasi perisian tertentu untuk tugas yang jelas seperti pemprosesan perkataan (Word), e-mel, dan carian Internet (Bers, 2010). Internet merupakan media global yang berkuasa dan berpotensi menguasai seluruh dunia (Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Akmar Hayati Ahmad Ghazali, 2017). Ini selaras dengan apa yang pernah diperkatakan oleh Bill Gates, pengasas Microsoft Corporation bahawa teknologi membolehkan pengguna memperoleh maklumat melalui hujung jari sahaja. Ini disokong dengan pendapat Herniwati S. Pd. M. Hum (2010) yang mengatakan bahawa pesatnya perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada sepuluh tahun kebelakangan ini melahirkan revolusi informasi yang menjadikan dunia tanpa batas. Internet memainkan peranan penting dalam dunia komunikasi dan maklumat serta digunakan sebagai medium untuk menyampai dan memperoleh maklumat (Muhammad Adnan Pitchan et al., 2017). Malah, kehadiran komputer ini juga telah mengubah cara, corak dan bentuk masyarakat berfungsi serta berfikir dalam kehidupan yang serba baharu dan mencabar (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah, 2015).

Komputer dan teknologi dalam bidang komunikasi ini telah digunakan secara meluas untuk pelbagai keperluan dalam kehidupan seharian. Ini diperincikan oleh Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah (2011) yang mengatakan bahawa pengguna biasanya menggunakan Internet untuk pelbagai tujuan seperti mencari sahabat, berseronok dan mendapatkan sokongan atau bantuan daripada komuniti dalam talian dari semasa ke semasa. Keadaan ini membuatkan masyarakat semakin celik teknologi maklumat tanpa mengira generasi mereka dilahirkan. Hal ini dapat diperhatikan apabila boleh dikatakan setiap golongan masyarakat bukan sahaja memiliki telefon pintar, malah mempunyai rangkaian Internet masing-masing yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi. Oleh itu, tidak mustahil apabila majikan juga meletakkan kemahiran teknologi maklumat ini sebagai prasyarat pemilihan pekerja. Namun, yang menjadi persoalannya ialah adakah kepesatan teknologi ini turut diikuti oleh pelajar-pelajar bidang bahasa Melayu dan sejauh mana pengetahuan mereka terhadap teknologi maklumat ini? Oleh itu, kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana kemahiran pelajar yang dikategorikan dalam Generasi Net ini dalam teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya kemahiran menggunakan perisian asas komputer.

## **Latar belakang penyelidikan**

Pengajian dalam bidang bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi ditawarkan di beberapa universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang pengajian ini sama ada menggunakan istilah Program Bahasa Melayu atau Program Linguistik Melayu. Di Universiti Putra Malaysia (UPM), program ini ditawarkan di bawah Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dengan nama Program Bachelour Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu. Pelajar perlu melengkapkan sebanyak 125 jam kredit selama 3

tahun 6 bulan untuk melayakkan mereka bergraduasi. Penawaran bidang bahasa di universiti awam menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan untuk mendalami bahasa kebangsaan ini dan peluang kerjaya yang terbuka luas. Walau bagaimanapun, isu pengangguran dalam kalangan mahasiswa tidak pernah lekang di dada-dada akhbar dan diperkatakan di media massa.

Keadaan ini menjadi lebih parah lagi apabila graduan bidang bahasa sering dikelaskan sebagai bidang yang tidak mempunyai masa depan kerjaya yang kompetitif (Kartini Abd Wahab, Sa'adiyah Ma'alip, Maslida Yusif & Karim Harun, 2016). Tanggapan masyarakat terhadap bidang bahasa yang dikatakan sebagai kurang ekonomik dan mudah dikuasai (Mohamad Sofee Razak, 2007) membuatkan masyarakat tidak dapat menghayati nilai bahasa rasmi negara ini. Malah, terdapat segelintir masyarakat yang gagal menghayati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan secara terbuka mempertikaikannya sebagai bahasa rasmi negara (Noor Mohamad Shakil Hameed, 2016) membuatkan bidang ini dipandang remeh. Sedangkan sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang berkembang pesat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kini, perkembangan bahasa Melayu dapat diperhatikan dengan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di universiti terkemuka dunia dan dipelajari secara meluas. Terdapat lebih 140 buah institusi pengajian tinggi di lebih 50 buah negara di seluruh dunia menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu, iaitu di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Rusia, Belanda, Jerman, Mesir, Iran, Pakistan (Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy, 2017).

Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah berkembang pesat dan berada di persada dunia sesuai dengan pendapat Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah (2015) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa Melayu di kepulauan Nusantara telah berkembang pesat sebagai bahasa ilmu dan ekonomi. Perkembangan ini ekoran bahasa Melayu telah berfungsi sebagai alat komunikasi yang bersifat ekonomi pada zaman Melaka ekoran daripada fungsinya sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat aktiviti perdagangan dan keusahawanan (Salleh Abdul Rashid & Shuhairimi Abdullah, 2015). Malah, penyelidikan tentang bahasa Melayu juga telah banyak dijalankan semenjak zaman prakemerdekaan lagi (Nor Hashimah Jalaluddin, 2015). Keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja telah menjadi bahasa penyatuan pelbagai bangsa, malah peranannya sebagai bahasa komunikasi dan ilmu telah diperakui sejak dahulu lagi. Pandangan graduan dan masyarakat terhadap bidang bahasa adalah kurang tepat. Hal ini kerana bukan bidang pengajian yang menjadi punca mereka menganggur, sebaliknya kerana kurangnya kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan. Ini bersesuaian dengan pendapat Gurvinder Kaur Gurcharan Singh (2008) yang mengatakan bahawa pasaran kerja secara amnya sangat kompetitif sehingga perlu melakukan lebih daripada sekadar menyampaikan latar belakang dan kelayakan. Para graduan sepatutnya boleh menjana kerjaya mereka tanpa perlu terikat kepada bidang pengajian yang diikuti semasa di universiti, kerana mereka harus bijak untuk membekalkan diri dengan nilai-nilai tambahan untuk bersaing dengan graduan dalam bidang lain (Abd Wahab, Sa'adiyah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun, 2016). Oleh itu, graduan disarankan untuk melengkapkan diri dengan ilmu bahasa dan kemahiran insaniah yang telah diserapkan sepanjang pengajian. Ini seiring dengan pendapat Muhammad Hazrul Ismail (2012) yang mengatakan bahawa memiliki modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah faktor terpenting bagi Malaysia untuk mentransformasikan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

## Metodologi

Kajian tinjauan ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelajar bidang bahasa dalam menguasai teknologi maklumat dan komunikasi. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada pelajar yang mendaftar kursus BBM3410 Multimedia Dalam Bahasa, semester pertama 2017/2018 di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kursus ini adalah wajib diambil pada semester keempat atau tahun kedua di universiti. Soal selidik yang menggunakan skala ordinal jenis perbezaan semantik, iaitu tidak mahir kepada mahir ini terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian A; mengenai maklumat responden, Bahagian B; kemahiran teknologi maklumat; Bahagian C; kemahiran menggunakan perisian perkataan, Bahagian D; kemahiran menggunakan perisian persembahan; Bahagian E; kemahiran menggunakan perisian hampan elektronik dan Bahagian F; kemahiran menggunakan Internet. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penulisan kertas kerja ini hanya mengupas bahagian kemahiran menggunakan teknologi maklumat atau kemahiran asas komputer yang mengandungi 24 item.

## Dapatan kajian

Berdasarkan Jadual 1, daripada seramai 30 orang responden yang terlibat dalam kajian tinjauan ini, seramai 21 orang (70.0%) merupakan pelajar perempuan dan hanya 9 orang (30.0%) adalah pelajar lelaki. Dapatan ini menunjukkan bahawa dari segi jantina pelajar perempuan 40% lebih ramai berbanding pelajar lelaki yang mengambil kursus ini pada sesi semester pertama 2017/2018. Dari segi bangsa pula, majoriti pelajar adalah berbangsa Melayu dengan 25 orang (83.3%). Pelajar-pelajar ini juga boleh dikatakan lambat mengambil kursus ini dan tidak mengikut skema pengajian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana kursus BBM3410 Multimedia Dalam Bahasa wajib diambil sebagai syarat bergraduat sepatutnya diambil pada semester keempat pengajian. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar sesi ini terdiri daripada pelajar yang berada pada semester kelima hingga ketujuh pengajian. Paling ramai merupakan pelajar semester enam dengan 24 orang (80.0%) dan diikuti dengan pelajar semester lima seramai 5 orang (16.7%). Manakala, terdapat seorang pelajar yang berada dalam semester akhir, iaitu semester ketujuh pengajian mengambil kursus ini.

Jadual 1: Maklumat Demografi Sampel

Pemboleh Ubah		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	9	30.0
	Perempuan	21	70.0
Bangsa	Melayu	25	83.3
	Cina	1	3.3
	India	2	6.7
	Lain-lain	2	6.7
Semester	5	5	16.7
	6	24	80.0
	7	1	3.3
Tahun Dilahirkan	1992	1	3.3
	1994	23	76.7
	1995	6	20.0

Berdasarkan analisis deskriptif yang dijalankan, pelajar-pelajar bidang bahasa yang menjadi responden kajian mempunyai kemahiran tahap sederhana dalam perisian asas komputer. Seramai

18 orang (60.0%) daripada keseluruhan 30 orang berada pada tahap ini dan diikuti dengan tahap mahir seramai 11 orang (36.7%). Manakala, terdapat seorang pelajar (3.3%) yang berada pada tahap tidak mahir perisian asas komputer ini.

Jika diperhatikan kepada Jadual 2, semua sampel kajian memiliki komputer dan jenama Acer paling ramai dimiliki (10 orang atau 33.3%), diikuti dengan jenama ASUS (8 orang atau 26.7%), HP (3 orang atau 10.0%). Jenama seperti Compaq, Lenovo dan Toshiba pula masing-masing dimiliki oleh 2 orang (6.7%). Berdasarkan Jadual 2 juga didapati bahawa ada dalam kalangan sampel kajian yang memiliki lebih daripada sebuah komputer. Ini membuktikan bahawa pelajar dalam golongan Generasi Net ini mengetahui kepentingan teknologi dan boleh dikatakan pemilikan komputer sebagai keperluan asas bagi mereka. Selain itu, pengetahuan teknologi maklumat dalam kalangan sampel kajian juga dapat dilihat melalui pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap pentingnya penggunaan antivirus. Ini dapat dibuktikan apabila hanya seorang sahaja yang tidak menggunakan antivirus. Manakala, antivirus yang menjadi pilihan pelajar ialah AVIRA (7 orang atau 23.3%), McAfee (6 orang atau 20.0%) dan Avast (5 orang atau 16.7%). Terdapat juga pelajar yang menggunakan lebih daripada satu antivirus yang menunjukkan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap keselamatan penggunaan teknologi maklumat.

Jadual 2: Jenama Komputer

Jenis Komputer	Frekuensi	Peratusan (%)
Acer	10	33.3
Asus	8	26.7
Compaq	2	6.7
HP	3	10.0
Lenovo	2	6.7
Toshiba	2	6.7
Acer; Asus	1	3.3
HP; Acer	1	3.3
HP; Compaq	1	3.3

Selain itu, pelajar atau sampel yang terlibat dalam kajian ini juga banyak menghabiskan masa dengan melayari Internet. Separuh daripada pelajar yang dikaji menggunakan kemudahan teknologi melebihi tujuh jam seminggu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar ini sekurang-kurangnya meluangkan masa melayari Internet dua hingga tiga jam seminggu. Kesemua pelajar didapati melayari Internet untuk tujuan e-mel. Pelajar juga didapati menggunakan kemudahan Internet untuk tujuan hiburan, ingin tahu, sembang, pemindahan fail, rangkaian sosial, mendapatkan bantuan dan maklumat, menyiapkan tugas serta memuat turun perisian. Aplikasi yang biasa digunakan pula ialah komputer riba peribadi dan telefon pintar masing-masing. Ada dalam kalangan pelajar yang melayari Internet melalui aplikasi telefon pintar semata-mata dan ada juga dalam kalangan pelajar yang menggunakan desktop komputer peribadi. Namun, dari segi pemilikan telefon pintar seperti Iphone, Android, Blackberry dan sebagainya, kesemua pelajar yang menjadi sampel kajian memilikinya.

Jadual 3: Kekerapan Melayari Internet Seminggu

Kekerapan	Frekuensi	Peratusan (%)
2 hingga 3 jam	6	20.0
4 hingga 5 jam	4	13.3
6 hingga 7 jam	5	16.7
Lebih 7 jam	15	50.0

Sumber kemahiran komputer dalam kalangan pelajar banyak diperoleh melalui usaha diri sendiri (14 orang atau 46.7%) dan kawan-kawan (8 orang atau 26.7%). Pelajar juga mengakui media massa turut mempengaruhi dan menjadi sumber kemahiran komputer mereka. Kemudahan capaian dan ruang berkongsi maklumat yang senang diperoleh kini mungkin menjadi salah satu faktornya. Ini dapat dibuktikan dengan pelbagai video boleh dimuat turun di Internet terutamanya melalui media YouTube. Perkongsian video yang dimuat naik membolehkan pelajar mempelajari kemahiran komputer melalui aplikasi sosial ini.

Jadual 4: Sumber Kemahiran Komputer

Sumber Kemahiran Komputer	Frekuensi	Peratusan (%)
Sendiri	14	46.7
Kawan	2	6.7
Kursus	1	3.3
Sendiri/Kursus	1	3.3
Sendiri/Media	1	3.3
Kawan/Sendiri	1	3.3
Kawan/Media	2	6.7
Kawan/Sendiri/Kursus	1	3.3
Kawan/Kursus/Media	1	3.3
Kawan/Sendiri/Media	6	20.0

Berdasarkan Jadual 4, pelajar didapati memperoleh sumber kemahiran komputer melalui lebih daripada satu sumber, misalnya melalui kesedaran dan usaha diri sendiri, kawan-kawan, media massa serta ada yang menghadiri kursus-kursus untuk menambahkan ilmu mereka.

Jadual 5: Pemilikan Akaun Laman Sosial

Pemilikan Akaun Laman Sosial	Frekuensi	Peratusan (%)
Facebook	2	6.7
Facebook/Instagram	8	26.7
Facebook/Perbankan atas talian	2	6.7
Facebook/Instagram/Blog	1	3.3
Facebook/Instagram/Twitter	3	10.0
Facebook/Instagram/Perbankan atas talian	6	20.0
Instagram/Blog/Perbankan atas talian	1	3.3
Facebook/Instagram/Twitter/Perbankan atas talian	5	16.7
Facebook/Instagram/Twitter/Blog/Perbankan atas talian	1	3.3
Facebook/Instagram/Twitter/Blog/Perbankan atas talian/Tumblr	1	3.3

Dapatan pemilikan akaun laman sosial menunjukkan bahawa seramai 29 orang (96.7%) pelajar yang menjadi sampel kajian ini memiliki akaun laman sosial Facebook. Hanya seorang pelajar tidak memiliki akaun Facebook ini tetapi memiliki akaun Instagram, blog dan menggunakan Internet untuk tujuan perbankan atas talian. Seramai 2 orang (6.7%) sampel kajian memiliki akaun Facebook sahaja, manakala selebihnya mempunyai dua hingga enam akaun laman sosial. Sampel kajian juga didapati yakin dengan keselamatan sewaktu menggunakan teknologi maklumat apabila seramai 16 orang (53.3%) menggunakan perkhidmatan perbankan atas talian. Ini membuktikan bahawa keperluan teknologi maklumat semakin meningkat dan pelajar yang menjadi sampel kajian

ini berpengetahuan menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan hasil perkembangan teknologi semasa.

Jadual 6: Cara Melayari Internet

Cara Melayari Internet	Frekuensi	Peratusan (%)
Telefon Pintar/Hotspot Telefon Pintar	4	13.3
Telefon Pintar/Wifi Kolej	2	6.7
Wifi Kolej/Hotspot Telefon Pintar	1	3.3
Telefon Pintar/Wifi Fakulti/Wifi Kolej	3	10.0
Telefon Pintar/Wifi Kolej/Hotspot Telefon Pintar	2	6.7
Telefon Pintar/Wifi Fakulti/Wifi Kolej/Kafe Siber	2	6.7
Telefon Pintar/Wifi Fakulti/Wifi Kolej/Kafe Siber/Hotspot Telefon Pintar	7	23.3
Telefon Pintar/Wifi Fakulti/Wifi Kolej/Hotspot Telefon Pintar	8	26.7
Telefon Pintar/Wifi Fakulti/Wifi Kolej/Kafe Siber/Hotspot Telefon Pintar	1	3.3
Telefon Pintar		

Majoriti pelajar melayari Internet menggunakan telefon pintar masing-masing (29 orang atau 96.7%). Ini diikuti dengan menggunakan kemudahan wifi di kolej-kolej kediaman (26 orang atau 86.7%). Selain menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti, pelajar juga didapati melayari Internet dengan mengunjungi kafe-kafe siber apabila seramai 10 orang (30.0%) menggunakan medium ini untuk melayari Internet. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar sekurang-kurangnya menggunakan dua hingga lima medium yang berbeza untuk melayari Internet. Pelajar juga didapati mempunyai pengetahuan menggunakan hotspot telefon pintar masing-masing yang berkemungkinan digunakan untuk menyambungkan talian Internet kepada komputer riba atau desktop komputer peribadi masing-masing. Ini membuktikan bahawa pelajar bidang bahasa ini bukan sahaja mengikuti arus perkembangan teknologi maklumat, malah berpengetahuan menggunakan pelbagai medium teknologi dan capaian Internet sebagai keperluan asas mereka.

Jadual 7: Tahap Kemahiran Teknologi Maklumat

Skala	Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
1.00 hingga 4.00	Tidak Mahir	1	3.3
4.01 hingga 7.00	Sederhana Mahir	18	60.0
7.01 hingga 10.00	Sangat Mahir	11	36.7

Terdapat 24 item dibangunkan untuk mengukur kemahiran asas teknologi maklumat dalam kalangan pelajar yang mengambil bidang bahasa di Universiti Putra Malaysia. Jika diperhatikan kepada nilai skor min setiap item, didapati bahawa tiga item (12.50%) tidak mahir, 11 item (45.83%) sederhana mahir dan 10 item (41.67%) sangat mahir. Pelajar didapati tidak mahir dalam aplikasi Flash (M=3.60; SP=2.24), PhotoShop (M=4.00; SP=2.23) dan analisis data menggunakan IBM SPSS (M=3.80; SP=2.23). Manakala, pelajar sederhana mahir dalam aplikasi Paint (M=6.67; SP=2.09), Excel (M=5.93; SP=1.84), grafik (M=5.53; SP=2.26), antivirus (M=6.40; SP=1.90), format fail (M=5.03; SP=2.51), perkakasan (M= 5.90; SP=2.34), Snipping Tool (M=6.53; SP=2.80), Backup Program (M=5.60; SP=2.37), Restore Program (M=5.83; SP=2.38), fungsi perkakasan (M=5.87; SP=2.54) serta menggunakan mesin faks dan pengimbas (M=6.73; SP=2.13).



Walaupun dapatan keseluruhan skor min pada setiap item menunjukkan tahap penguasaan yang baik namun sebenarnya, jika diperhatikan kepada nilai skala minimum dan maksimum pilihan pelajar, penguasaan kemahiran asas teknologi maklumat ini sebenarnya membimbangkan. Hal ini kerana hanya satu item menunjukkan pelajar sederhana mahir, selebihnya berada pada tahap tidak mahir apabila nilai minimum yang ditandakan oleh pelajar mencatatkan nilai empat mata ke bawah. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang menjadi responden kajian tidak menguasai kemahiran asas teknologi maklumat walaupun lahir dan dikategorikan sebagai generasi yang mesra teknologi.

Didapati bahawa item kemahiran teknologi maklumat seperti Internet dalam kalangan pelajar pada tahap yang mahir. Kajian Siti Ezaleila dan Azizah (2011) mendapati bahawa kebanyakan pengguna yang menggunakan Internet untuk aktiviti media sosial memiliki banyak akaun sosial dan meluangkan masa hampir 20 jam setiap minggu untuk berkomunikasi di alam maya. Selain itu, Muhammad Adnan Pitchan et al. (2017) mengatakan bahawa kesukaan golongan remaja kepada Internet seperti media sosial adalah kerana ia berbentuk komunikasi dua hala yang menyediakan pelantar untuk menerima dan memberi maklumat. Oleh itu, tidak hairanlah kemahiran teknologi maklumat seperti memuat naik dan memuat turun dokumen dalam kalangan pelajar juga adalah tinggi kerana kemungkinan mereka meluangkan banyak masa untuk aktiviti berkenaan di media sosial. Malah, kekerapan berkomunikasi melalui pelantar Internet juga dilaporkan akan menyebabkan pengguna lebih cenderung untuk menggunakan aplikasi lain seperti e-mel (Park & Floyd, 1996).

Selain itu, antara item kemahiran teknologi maklumat yang tergolong dalam tahap sederhana mahir ialah antivirus, file format, backup dan restore program. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Adnan Pitchan et al. (2017) yang mendapati bahawa golongan remaja kurang menghiraukan isu keselamatan semasa menggunakan komputer seperti antivirus kerana ia kurang dibincangkan dalam kalangan mereka berbanding perkara berkenaan aktiviti membeli belah, pembelajaran dan juga permainan secara atas talian.

Pelajar juga didapati memiliki tahap sederhana dan tidak mahir dalam menggunakan perisian untuk tujuan analisis data seperti Excel dan SPSS. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana ini menunjukkan pelajar kurang sedar bahawa perisian sebegini dapat membantu mereka dalam menjalankan kerja penyelidikan pada akhir pengajian kelak. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan terdapat pengetahuan dan kemahiran teknikal yang perlu dipertingkatkan dalam kalangan pelajar seperti pengurusan fail, Windows, perisian dan analisis data. Kemahiran ini jika ditambah baik dapat meningkatkan nilai tambah dalam diri pelajar berkenaan.

Jadual 8: Item Kemahiran Teknologi Maklumat

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Word	8.47	1.28	Sangat Mahir
Flash	3.60	2.24	Tidak Mahir
Paint	6.67	2.09	Sederhana Mahir
Excel	5.93	1.84	Sederhana Mahir
E-mel	8.73	1.46	Sangat Mahir
Grafik	5.53	2.26	Sederhana Mahir
Internet	8.57	1.55	Sangat Mahir
Antivirus	6.40	1.90	Sederhana Mahir
Kalkulator	7.33	2.22	Sangat Mahir
Photoshop	4.00	2.23	Tidak Mahir
File Format	5.03	2.51	Sederhana Mahir

PowerPoint	8.07	1.70	Sangat Mahir
Perkakasan	5.90	2.32	Sederhana Mahir
Print Screen	7.83	2.07	Sangat Mahir
Sticky Notes	7.73	2.23	Sangat Mahir
Snipping Tool	6.53	2.80	Sederhana Mahir
Windows/Office	7.40	2.01	Sangat Mahir
Backup Program	5.60	2.37	Sederhana Mahir
Restore Program	5.83	2.38	Sederhana Mahir
Fungsi Perkakasan	5.87	2.54	Sederhana Mahir
Memuat naik dokumen	8.07	1.57	Sangat Mahir
Memuat turun dokumen	8.13	1.66	Sangat Mahir
Mesin faks dan pengimbas	6.73	2.13	Sederhana Mahir
Analisis data menggunakan IBM SPSS	3.80	2.23	Tidak Mahir

## Rumusan

Internet dan penembusan jalur lebar adalah satu daripada tumpuan dan keutamaan kerajaan Malaysia dalam mengatasi jurang digital (Hazura Mohamed et al., 2012). Mantan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Keruak seperti yang dilaporkan oleh Bernama (2017) menyatakan bahawa kadar penembusan jalur lebar berkelajuan tinggi isi rumah di seluruh negara telah mencapai 81.8% sehingga suku pertama tahun ini. Pencapaian ini jauh melepasi sasaran yang ditetapkan Pelan Jalur Lebar Kebangsaan yang dilancarkan pada 2010 yang menetapkan kadar capaian sebanyak 50% menjelang 2020 (Nazura Ngah, Mohd Nasaruddin Parzi & Luqman Arif Abdul Karim, 2017).

Pesatnya perkembangan kemajuan teknologi informasi dan komunikasi 10 tahun terakhir melahirkan revolusi informasi yang membuatkan dunia menjadi tanpa batas (Herniwati, Sr Pd. M. Hum, 2010). Keadaan ini menjadikan perkara di sekeliling manusia termasuk persekitaran, politik, ekonomi dan sains sentiasa berubah melalui pembangunan dan perubahan teknologi (Rosfazila Abd Rahman et al., 2017). Begitu juga halnya, apabila kesan perkembangan global terhadap industri dan sektor pekerjaan memperlihatkan peningkatan permintaan tenaga kerja yang bukan sahaja berkelayakan dan berpengetahuan, malah menguasai kemahiran pekerjaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi turut diberikan penekanan (Ahmad Muhaimin Mohamad, 2008). Oleh itu, pelajar bidang bahasa tidak terkecuali perlu mendepani perkembangan ini agar tidak ketinggalan dan mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Umumnya, individu yang membesar dengan media digital selalunya dianggap celik teknologi namun, setiap individu menunjukkan pengalaman menggunakan komputer yang berbeza dari segi aktiviti dan kebolehan. Justeru, masih wujud kelemahan tertentu berkaitan pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan pelajar yang memerlukan perhatian. Rumusannya, pelajar yang mengambil program Bachelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang menjadi sampel kajian ini berpengetahuan dan mempunyai kesedaran terhadap teknologi maklumat. Pelajar ini yang masih menuntut dalam semester lima, enam dan tujuh menghabiskan masa melayari Internet antara dua hingga melebihi tujuh jam seminggu. Keperluan utama pelajar-pelajar ini melayari Internet adalah untuk tujuan e-mel. Oleh itu, kajian lebih lanjut perlu dijalankan untuk mengenal pasti keperluan mereka menggunakan e-mel ini. Pelajar juga didapati mengetahui dan yakin dengan keselamatan sewaktu menggunakan Internet apabila majoriti pelajar mempunyai antivirus dan menggunakan Internet untuk urusan perbankan atas talian. Sumber pengetahuan teknologi

maklumat dalam kalangan pelajar juga pelbagai, namun diri sendiri dan rakan-rakan memainkan peranan penting pemerolehan pengetahuan ini. Pelajar juga didapati banyak melayari Internet melalui telefon pintar masing-masing dan menggunakan kemudahan mengakses Internet yang disediakan oleh pihak universiti. Dari segi pemilikan akaun laman sosial pula, pelajar-pelajar ini memiliki sekurang-kurangnya satu hingga lima akaun laman sosial. Laman sosial pilihan mereka ialah Facebook dan Instagram.

Dari segi tahap kemahiran menggunakan perisian asas komputer pula dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar berada pada tahap sederhana mahir. Oleh itu, usaha secara berterusan perlu dilakukan agar pelajar bidang bahasa turut sama mampu bersaing dan menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Keperluan ini bukan sahaja untuk memperoleh pekerjaan yang diimpikan setelah tamat pengajian tetapi juga untuk membolehkan pembelajaran berkesan sepanjang berada di institusi pengajian tinggi. Walaupun kursus berkaitan teknologi dan multimedia diajarkan di pengajian tinggi, namun tanpa kesedaran dan usaha yang berterusan daripada pelajar, kemahiran ini tidak akan dapat dikuasai.

## Penghargaan

Penyelidikan ini telah dijalankan menggunakan Geran Universiti Putra Malaysia 2017 yang telah diluluskan dananya untuk tajuk penyelidikan “Persepsi Pelajar Terhadap Potensi dan Prospek Kerjaya dalam Bidang Bahasa Melayu”.

## Rujukan

- Abd Wahab, Sa’adiah Ma’alip, Maslida Yusuf & Karim Harun (2016). Kebitaraan program pengajian bahasa Melayu: Persepsi dan Harapan Mahasiswa. *Jurnal Melayu*, 15(2): 176-195.
- Agus Purnomo, Nurul Ratnawati & Nevy Farista Aristin (2016). Pengembangan pembelajaran *blended learning* pada Generasi Z. *Jurnal Teori dan Praksis Pembelajaran IPS*, 1(1), 70-77.
- Ahmad Muhaimin Mohamad, Jamalludin Hj. Harun & Baharuddin Aris (2008). Kelemahan penguasaan kemahiran di kalangan pelajar: Pedagogi dan Teknologi sebagai Pendekatan Penyelesaian. In: Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah, 25-27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Rizal Madar, Malyia Afzan Abd Aziz, Abdul Rasid Abd. Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa & Yahya Buntat (2008). Kemahiran *employability* bagi memenuhi keperluan industri. Diperoleh daripada [https://www.google.com/search?q=Ahmad+Rizal+Madar+%2B+Kemahiran+Employability&rlz=1C1CHZL\\_enMY749MY749&oq=Ahmad&aqs=chrome.1.69i57j69i59l2j0l3.3839j0j8&sourceid=chrome&ie=UTF-8](https://www.google.com/search?q=Ahmad+Rizal+Madar+%2B+Kemahiran+Employability&rlz=1C1CHZL_enMY749MY749&oq=Ahmad&aqs=chrome.1.69i57j69i59l2j0l3.3839j0j8&sourceid=chrome&ie=UTF-8)
- Azizi Hj. Yahaya, Mohd. Najib Ghaffar & Noraizah Damiri (2005). Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik. In: International Conference on Learning And Motivation, 10-12 September 2005, City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, Malaysia. (Unpublished)
- Azizul Haji Ismail & Vijayaletchumy Subramaniam (2017). Pengajian Bahasa di Luar Negara. Dewan Bahasa. Diperoleh pada 22 Disember 2018 melalui <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=1825>

- Bernama (2017, 6 Disember). Menteri: Kadar Penembusan Jalur Lebar Capai 81.8 Peratus. Diperoleh daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/12/06/menteri-kadar-penembusan-jalur-lebar-capai-81-8/>
- Bers, M. U. (2010). Beyond computer literacy: supporting youth's positive development through technology. *New Directions for Student Leadership*, 2010(128), 13-23.
- Davis, P. (1997). What computer skills do employers expect from recent college graduates? *THE Journal*, 25(2), 74-78.
- Fuziah Kartini Hassan Basri (2001). Proses defusi dan teknologi maklumat dan komunikasi. *Jurnal Komunikasi*, 17, 21-42.
- Gurvinder Kaur Gurcharan Singh Universiti Tun Abdul Razak (2008). MALAYSIAN GRADUATES' EMPLOYABILITY SKILLS . UNITAR E-JOURNAL Vol. 4, No. 1, January 2008
- Hazilah Mohd. Amin, Juhana Salim, Salwani Abdullah, Hairulliza Mohamed Judi, & Nor Azan Mat Zin (2001). Tahap kepentingan kemahiran komputer mengikut fungsi pekerjaan di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Teknologi Maklumat*, 1, 40-57.
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M. Noor & Zawiyah M. Yusof (2012). Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 1(2), 39-45.
- Herniwati, S.Pd.M.Hum (2010). E-Learning: Tantangan Bagi Pelajar Bahasa Jepang Dengan Metode Pembelajaran Berpusat Pada Peserta Didik. Diperoleh daripada <http://jurnal.upi.edu/1211/view/1351/e-learning--tantangan-bagi-pengajar-bahasa-jepang-dengan-metode-pembelajaran-berpusat-pada-peserta-didik.html>
- Kartini Abd Wahab, Sa'adiah Ma'alip, Maslida Yusuf & Karim Harun (2016). Kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu: Persepsi dan Harapan Mahasiswa. *Jurnal Melayu*, 15(2): 176-195.
- Khaidzir Hj. Ismail (2016). Personaliti kerjaya mahasiswi Islam di Malaysia. *AL-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 15(2): 247-283.
- Kiam-Sam Hong & Norazila Abdul Aziz (2014). Technology Use and Digital Learning Characteristics Among Malaysian Undergraduates: *Sains Humanika*, 2(1),117-124.
- Mhd Subhan, Salleh Amat, Abu Yazid Abu Bakar (2015). THE CONCEPT OF CAREER CHOICE AMONG CHILDREN. PROSIDING International Counseling Seminar 2015 Padang, 13 - 14th Maret 2015.
- Mohamad Sofee Razak (2007). Potensi, Prospek Kerjaya Bahasa. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <http://mohamadsofee.blogspot.com/2007/12/potensi-prospek-kerjaya-bahasa.html>
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori *Cognitive Information Processing* (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 59-75.
- Mohd Sani Ismail, Abdul Hakim Abdullah, Aman Daima Md Zain, Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Rahim Ariffin (2018). Kematangan Kerjaya Pelajar: Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1): 45-55.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 33-46.
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2017). Analisis Keselamatan Siber dari Persepektif Persekitaran Sosial: Kajian Terhadap Pengguna Internet di Lembah Klang. *e-Bangi*, 12(2),16-29.

- Muhamad Amin Embi (2010) (ed.). *Rumusan Amalan, Tend dan Cabaran Pelaksanaan e-Pembelajaran di IT Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Muhammad Hazrul Ismail (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKIM) VII* (2), 906-913.
- Nazamud-din Alias (2004). Taksiran Keperluan Pengurusan teknologi Maklumat di Kalangan guru Sains Dalam Perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 87-102.
- Nazura Ngah, Mohd Nasaruddin Parzi & Luqman Arif Abdul Karim (2017, 20 November). Penembusan Jalur Lebar 81.8 Peratus. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/353046/penembusan-jalur-lebar-818-peratus>
- Nik Hairi Omar, Mohd Azul Mohamad Salleh & Norizan Abdul Razak (2006). Penilaian Kecekapan Teknologi Komunikasi Maklumat (TMK) dalam kalangan Pelajar Sains Sosial. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*, 26: 63-77.
- Noor Mohamad Shakil Hameed, (2016). Terus Perkasakan bahasa Melayu. Diperoleh pada 8 Jun 2017 melalui <http://www.utusan.com.my/rencana/terus-perkasakan-bahasa-melayu-1.206875>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3):67-87.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19(1):1-13.
- Oblinger, D. & Oblinger, J. (2005). Is It Age or IT: First Steps Toward Understanding the Net Generation. Diperoleh daripada [https://www.google.com/search?q=Diana+Oblinger+%2B+It+is+Age+or+IT&rlz=1C1CHZL\\_enMY749MY749&oq=Diana+Oblinger+%2B+It+is+Age+or+IT&aqs=chrome..69i57l8436j0j8&sourceid=chrome&ie=UTF-8](https://www.google.com/search?q=Diana+Oblinger+%2B+It+is+Age+or+IT&rlz=1C1CHZL_enMY749MY749&oq=Diana+Oblinger+%2B+It+is+Age+or+IT&aqs=chrome..69i57l8436j0j8&sourceid=chrome&ie=UTF-8)
- Parks, M. R. & Floyd, K. (1996). Making friends in cyberspace. *Journal of ComputerMediated Communication*, 1(4). <https://doi.org/10.1111/j.1083-6101.1996.tb00176.x>
- Rosfazila Abd Rahman, Mokmin Basri, Kalthom Husain, Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad & Mohd Shahrul Nizam Mohd Danuri (2017). Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Silibus Kursus Pengantar IT. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 126-140.
- Salleh Abdul Rashid & Shuhairimi Abdullah (2015). Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Analisis. *Journal of Human Development and Communication*, Volume 4, 125-134.
- [Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah \(2011\). Media Baharu Yang Baharu: Tend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. \*Jurnal Pengajian Media Malaysia\*, 13\(2\), 93-110.](#)
- Suthagar Narasuman, Md. Rizal Md. Yunus & Azlan Ahmad Kamal (2011). Net Generation Student Teachers: How Tech-Savvy Are They? *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 71-89.